

Pelajar UTHM dedah murid dengan dunia multimedia

PAGOH - Warga Kelab Persembahan Pintar Multimedia Seksyen 1 dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, turut tidak ketinggalan mendekati golongan murid sekolah bagi tujuan mendedahkan mereka dengan ilmu berkaitan multimedia.

Penyelaras program yang juga penasihat kelab, Muhammad Hafifi Radzuwan berkata, 30 pelajar UTHM menyertai program berkenaan untuk mendekati 30 murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Penchu, Tangkak.

"Program yang dilaksanakan bertajuk Mengenali Dunia Multimedia ini disertai seramai 30 orang murid SK Penchu terdiri daripada tahun empat hingga tahun enam termasuk sebahagian ibu bapa. Pada program ini pihak sekolah juga mengundang pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk memberi perkongsian ilmu.

"Tujuan utama aktiviti ini



Mohd Hafifi (duduk, tiga, kiri) bersama sebahagian warga SK Penchu, Tangkak dan ahli Kelab Persembahan Pintar Multimedia Seksyen 1, UTHM, Pagoh menjayakan program di sekolah terbabit baru-baru ini.

dilaksanakan adalah untuk mendedahkan kepada murid serta pengajar mereka tentang Persembahan Pintar Multimedia (*Powerpoint Presentation*).

"Ilmu ini amat penting kepada mereka kerana dengan

perkembangan teknologi pada hari ini, golongan murid perlulah diberikan pendedahan sepenuhnya supaya tidak ditelan arus kemodenan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut beliau, program

terbabit juga adalah sebagai persediaan kepada murid sebaik melangkah ke alam menengah dan universiti yang memerlukan mereka melakukan pembentangan menggunakan power point.

Katanya, pelbagai program diadakan termasuklah ceramah berkaitan teknologi berkenaan selain aktiviti permainan antara warga sekolah dan universiti.

"Kesemua aktiviti ini berjaya merapatkan hubungan murid SK Penchu dan pelajar UTHM.

"Malah hasil daripada aktiviti ini juga pelajar dapat menyumbang idea, kreativiti, pengetahuan dan kemahiran untuk diaplikasikan oleh masyarakat kelak," katanya.

Tambahnya, ia juga dapat memupuk kesedaran kepada warga UTHM bahawa peranan mereka bukan sekadar di sekitar ruang lingkup perkuliahan, malah turut terlibat sebagai agen penggerak masyarakat dalam kerja-kerja kesukarelawanan.

"Melalui program ini pelajar dapat mengasah kemahiran dan praktikkan teori yang dipelajari di kelas di samping menimba pengalaman baharu bagi setiap aktiviti dilaksanakan," katanya.